



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

STATUS BEKALAN UBAT-UBATAN DALAM NEGARA SUSULAN KONFLIK TIMUR TENGAH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa bekalan ubat-ubatan dalam negara pada masa ini adalah stabil dan terkawal. Berdasarkan penilaian semasa, kesan konflik yang berlaku di Timur Tengah untuk jangka masa pendek adalah minimum.

Paras stok ubat fasiliti KKM disimpan antara 1 hingga 3 bulan berdasarkan keperluan penggunaan dan disokong oleh stok penimbal tambahan sehingga 2 bulan di peringkat syarikat konsesi bagi ubat-ubatan yang dibekalkan melalui konsesi logistik.

Secara keseluruhannya, pemantauan bekalan ubat dalam negara juga dilaksanakan secara berterusan melalui mekanisme sedia ada, termasuk sistem pelaporan gangguan bekalan oleh Pemegang Pendaftaran Produk (PRH) yang dikendalikan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA). Sehingga 22 Mac 2026, tiada peningkatan trend dalam pelaporan PRH melibatkan gangguan bekalan ubat-ubatan dikesan.

Maklum balas daripada pihak industri farmaseutikal tempatan menunjukkan bahawa pengilang tempatan mempunyai stok bahan mentah sehingga 3 bulan dan produk siap sekitar 2 bulan, manakala pihak pengimport turut melaksanakan pemantauan rapi terhadap rangkaian bekalan masing-masing.

KKM akan terus memantau dengan teliti perkembangan konflik di Timur Tengah dan komited mengambil langkah-langkah proaktif termasuk penubuhan pasukan petugas

(taskforce) yang terdiri daripada pihak industri farmaseutikal dan pemegang taruh berkaitan untuk pemantauan serta memastikan keterjaminan bekalan ubat terutama melibatkan ubat-ubatan di bawah Senarai Ubat Penting Kebangsaan (NEML) di Malaysia.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

23 MAC 2026

